

Ruj. Kami : UMP.500-2/1/1 ( 4 )  
Tarikh : 23 Ogos 2023

## Senarai edaran seperti lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

## PEMAKLUMAN PENJENAMAAN PUSAT TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-210 Bil. 17/2023 pada 26 Julai 2023 (Rabu) telah bersetuju meluluskan cadangan penjenamaan nama dan penstrukturan semula Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti (PHKK) selaras dengan pemeraksanaan fungsi semasa seperti Lampiran 1.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan :

- i. Encik Faisal Bin Jusoh  
Pusat Hal Ehwal Korporat Dan Kualiti  
Tel : 09 431 6641  
Emel : faisaljusoh@ump.edu.my


Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



(HELMI BIN MOHAMED ISA)

Pengurus

Bahagian Pengurusan Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

**PENJENAMAAN PUSAT TANGGUNGJAWAB  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

BIL.	NAMA LAMA	PENJENAMAAN	
		NAMA BAHARU	FUNGSI
1.	Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti (PHKK)	<b>Pusat Pengurusan Strategik &amp; Kualiti (PPSK)</b> <i>Centre for Strategic &amp; Quality Management (CSQM)</i>	<p><b>Bahagian Pengurusan Strategik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang pembangunan pelan strategik universiti.</li> <li>• Meramal dan menganalisa data strategik bagi keperluan hala tuju universiti.</li> <li>• Mengurus dan menyelaras hal ehwal berkaitan Pelan Strategik UMPSA termasuk pembangunan, bajet, pelataan dan pelaporan pencapaian prestasi.</li> <li>• Memudahcara dan menyediakan khidmat rundingan kepada Pusat Tanggungjawab berkenaan Pelan Strategik UMPSA dan perkembangan terkini sektor pengajian tinggi.</li> <li>• Mengurus dan menyelaras pelaporan UMPSA kepada agensi kerajaan dan pihak berkepentingan seperti Kementerian &amp; Jemaah Menteri.</li> </ul> <p><b>Bahagian Jaminan Kualiti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurus, menyelaras, dan menyelenggara Persijilan MS ISO 9001:2015 bagi memastikan pematuhan terhadap standard kualiti pendidikan dan perkhidmatan di UMPSA. Ini termasuk penilaian, penambahbaikan, dan pemantauan proses serta perkhidmatan universiti.</li> <li>• Merancang, memimpin dan memantau inisiatif dalam menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti berkembang di kalangan staf melalui pelaksanaan program Kumpulan Inovatif &amp; Kreatif (KIK) di UMPSA.</li> <li>• Merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan prinsip dan amalan terbaik untuk mencipta persekitaran kerja yang kondusif melalui pelaksanaan amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Di UMPSA,</li> <li>• Mengurus dan menyelaras hal ehwal peningkatan kualiti UMPSA keseluruhan menerusi pengurusan mesyuarat utama jawatankuasa kualiti UMPSA dan pelaporan</li> </ul>

			<p>inisiatif ke peringkat Mesyuarat Ketua-ketua Kualiti Universiti Awam.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan menggalakkan pembudayaan inisiatif kualiti yang lain di kalangan staf UMPSA melalui penyediaan latihan, klinik kualiti, pendedahan kepada amalan terbaik, dalam usaha memperkukuhkan kesedaran akan pentingnya kualiti dalam semua aspek operasi universiti.</li> </ul> <p><b>Bahagian Penarafan &amp; Kelestarian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan merangka hal ehwal penarafan dan kelestarian.</li> <li>• Merancang dan merangka pelan strategik penarafan dan kelestarian.</li> <li>• Mengurus, menyelaraskan dan menganalisa data penarafan dan kelestarian bagi pelaporan kepada agensi penarafan dan pihak berkepentingan.</li> <li>• Memudahcara dan menyediakan khidmat rundingan kepada pusat tanggungjawab, penyelarasan data dan pemegang sumber data.</li> <li>• Membuat jaringan strategik dengan agensi berkaitan dan pihak berkepentingan.</li> </ul>
--	--	--	---

## SENARAI EDARAN

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**  
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**  
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**  
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMP SA**